

TARIKH	24 / 04 / 2014	SEKSYEN	SETEMPAT
MUKA SURAT	60	RUANGAN	

JANGKITAN MERS-CoV

Tambah 2 minggu

■ Pengawasan dilanjut pastikan jemaah umrah bebas virus

Oleh Ainul Fathiah Mansor
am@hrmetro.com.my
Putrajaya

Kementerian Kesihatan akan melanjutkan tempoh pengawasan selama dua minggu bermula sejak semalam kepada 15 jemaah umrah yang menaiki penerbangan sama dengan lelaki yang meninggal dunia akibat Sindrom Pernafasan Asia Barat-Virus Korona (MERS-CoV).

Menterinya, Datuk Seri Dr S Subramaniam berkata, langkah berkenaan dibuat bagi memastikan semua jemaah terabit bebas dari pada virus berkenaan.

"Kita akan terus membuat pemeriksaan bagi memastikan mereka benar-benar bebas daripada virus itu termasuk membuat pemeriksaan suhu badan ke atas jemaah.

"Pada masa sama, sardin di pintu masuk Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur



SUBRAMANIAM (dua dari kiri) bersama kakitangannya di program berjalan kaki di Putrajaya, semalam.

(KLIA) terutama ke atas penumpang dari penerbangan Timur Tengah dan mereka yang pulang daripada munaikkan umrah serta haji juga akan dilakukan," katanya ada sidang media selepas merasmikan Program Jom Aktif Berjalan Kaki Ber-

sama Yang Berhormat Menteri di sini, semalam.

Pada 13 April lalu, seorang lelaki berusia 54 tahun dari Batu Pahat, Johor, meninggal dunia di Hospital Sultanah Nora Ismail (HSNI) disebabkan pneumonia teruk berikutan jangkitan

MERS-CoV.

Mangsa pulang ke tanah air pada 29 Mac lalu sebelum mengadu mengalami demam, batuk dan kesukaran bernafas kira-kira 10 hari kemudian sebelum dimasukkan ke hospital pada 10 April lalu.